

20 Jun 2021, Kosmo, P5

Penempatan pekerja di tapak binaan kotor, tidak diselenggara

KUALA LUMPUR – Sebuah tapak pembinaan di Jalan Stonor diberi tempoh dua minggu untuk membersihkan kawasan tersebut selepas pihak berkuasa mendapati penempatan pekerja berada dalam keadaan kotor.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah berkata, kebanyakan kes positif Covid-19 di tapak-tapak pembinaan adalah berpunca daripada kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan yang ditetapkan.

“Pemeriksaan dilakukan di tapak binaan itu bagi memastikan majikan mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditetapkan pihak berkuasa.

“Tapak pembinaan ini pernah merekodkan lebih 50 kes positif Covid-19 sebelum ini dan kita mahu memastikan perkara itu tidak berulang atau wujud kluster baharu membabitkan tapak pembinaan,” katanya ketika ditemui di tapak pembinaan tersebut semalam.

Katanya, keadaan di tapak pembinaan tersebut kotor dan tidak diselenggara dengan baik selain asrama pekerja yang tidak kondusif. Sekiranya perkara ini berterusan, ia mungkin boleh menularkan penyakit berjangkit.

“Pekerja di tapak binaan berkenaan terpaksa tidur beralas-



MOHAMAD ZAINAL (dua dari kanan) bersama Faisal (kanan) menyoal seorang pekerja di sebuah tapak pembinaan di Jalan Stonor, Kuala Lumpur semalam.

kan papan lapis tanpa tilam, bantal, selimut serta kipas dengan tiada pengasingan tempat tidur antara lelaki dan perempuan.

“Kawasan mandi, tempat makan dan persekitaran di kawasan pembinaan ini juga agak kotor dengan sampah sarap serta longgokan sisa makanan. Selain itu, hanya ada enam tandas untuk digunakan 200 pekerja yang kebanyakan warga Bangladesh,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Tenaga

Kerja (JTK) Kuala Lumpur, Faisal Faris Baharudin berkata, pihaknya akan mengeluarkan notis terhadap majikan untuk membaik pulih asrama pekerja.

“Kita akan mengeluarkan notis mengikut Seksyen 24 FA Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) terhadap majikan supaya membaik pulih asrama pekerja berkenaan.

“Majikan diberi tempoh dua minggu selepas notis berkenaan dikeluarkan,” ujar beliau.